

LAMPIRAN B

TAHAP KEPAKARAN, SYARAT ASAS, KRITERIA UMUM DAN KRITERIA KHUSUS LALUAN KERJAYA SME DI JUPEM

1. Tahap Kepakaran

Bidang Teras	Bidang Kepakaran	Sub Bidang	Tahap Kepakaran
Pengukuran dan Pemetaan	1. Kadaster	1. Ukuran Kadaster	2 - 4
		2. Perundangan Kadaster	3 - 4
		3. Ukuran Strata / Stratum dan 3D Kadaster	2 - 4
		4. Penawanan Data <i>Terrestrial</i> dan 3D Modelling	1 - 4
	2. Pemetaan	5. Pemetaan <i>Light Detection and Ranging</i> (LiDAR) / <i>Synthetic Aperture Radar</i> (SAR)	2 - 4
		6. Pembangunan Data Geospasial (Kualiti dan Standardisasi)	3 - 4
		7. Pemetaan Unmanned Aerial Vehicle (UAV) / Drone	1 - 4
		8. Pemetaan Utiliti	3 - 4
	3. Geodetik	9. Satelit Geodetik (GPS)	1 - 4
		10. Sistem Rujukan Koordinat	1 - 4
		11. Astronomi Geodetik	1 - 4
	4. Persempadanan	12. Persempadanan Maritim	2 - 4
		13. Persempadanan Darat	1 - 4

Petunjuk Tahap Kepakaran SME:

Tahap SME	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4
Gred Hakiki	44	48	52	54
Gred SME	48	52	54	Khas C

2. Syarat- syarat Asas

Syarat-syarat asas ke laluan SME adalah seperti berikut:

- i. Pegawai yang telah disahkan di jawatan Juruukur Gred J44/J48/J52/J54 atau setaraf, termasuk Juruukur Gred J44 yang berada di jawatan Gred Fleksi J41/J44;
- ii. Berkhidmat secara tetap sekurang-kurangnya lapan (8) tahun dalam Kumpulan Pengurusan dan Professional;
- iii. Berkhidmat dalam bidang khusus yang sama sekurang-kurangnya lima (5) tahun bagi pegawai dalam bidang professional teknikal atau sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun bagi pegawai dalam bidang pengurusan. LKPPA bersetuju bahawa tempoh minimum berkhidmat dalam bidang kepakaran ialah lima (5) tahun sebagaimana yang ditetapkan di dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 – Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.**
- iv. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- v. Bebas daripada hukuman tatatertib;
- vi. Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar dari institusi pinjaman pendidikan;
- vii. Telah mengisytiharkan harta; dan
- viii. Mencapai markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 85% dan ke atas tiga (3) tahun terkini secara berturut-turut.

Selain memenuhi syarat-syarat asas, pegawai juga perlu mencapai markah keseluruhan tidak kurang daripada 85% bagi criteria umum dan khusus.

3. Kriteria Umum, Kriteria Khusus

Kriteria Umum, Kriteria Khusus (kriteria kemasukan ke laluan SME) berserta wajaran markah adalah seperti berikut:

Kriteria		Tahap	1	2	3	4
Kriteria Umum						
1.	Pencapaian Akademik	Markah	7	7	7	7
2.	Sumbangan	Markah	10	12	13	14
3.	Anugerah / Pengiktirafan	Markah	8	6	5	4
4.	Penilaian 360°	Markah	5	5	5	5
Jumlah Markah			30	30	30	30
Kriteria Khusus						
1.	Konsultasi / Khidmat Perundingan	Markah	40	40	40	40
2.	Penulisan / Penerbitan / Pembentangan	Markah	20	20	20	20
3.	Kelayakan Profesional	Markah	10	10	10	10
Jumlah Markah			70	70	70	70
Jumlah Markah Keseluruhan			100	100	100	100

Syarat Umum	
Pencapaian Akademik	Memiliki Ijazah Pertama (dalam bidang ukur tanah / geomatik) / Sarjana / PhD berkaitan bidang ukur, pemetaan dan pengurusan data geospasial
Sumbangan	Memberi ceramah / tenaga pengajar / fasilitator dalam bidang ukur, pemetaan dan pengurusan data geospasial di peringkat jabatan dan luar jabatan
Anugerah / Pengiktirafan	Memiliki sijil kompetensi / penghargaan / penyertaan berkaitan bidang ukur, pemetaan dan pengurusan data geospasial serta bidang lain yang diiktiraf jabatan.
Tapisan 360°	Penilaian prestasi dan kualiti pegawai oleh pegawai atasan, <i>piers</i> dan bawahan daripada aspek pengetahuan, tingkah laku dan kepimpinan

Perincian Kriteria Khusus	
Konsultasi / Khidmat Rundingan	Penglibatan sebagai pakar rujuk / penggubal / ahli dalam pelbagai Jawatankuasa Kerja / Kumpulan Kerja / Pasukan Kerja Teknikal di peringkat Jabatan dan luar Jabatan seperti menggubal spesifikasi / kertas peperiksaan, manual, garis panduan, arahan teknik, projek khas, perolehan tender / sebut harga dan lain-lain yang berkaitan dengan bidang ukur, pemetaan dan pengurusan data geospasial.
Penulisan / Penerbitan / Pembentangan	Menulis/ menerbit / membentangkan kertas kerja / penerbitan ilmiah / garis panduan / dasar / prosedur / tatacara / hasil kajian penyelidikan dalam bidang kepakaran di peringkat Jabatan / Kebangsaan / Antarabangsa
Kelayakan Profesional	Berdaftar sebagai ahli Pertubuhan Juruukur Di Raja Malaysia (RISM) / Ditauliahkan sebagai Juruukur Berdaftar oleh Lembaga Juruukur Tanah (LJT).